

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)57

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

57. Adakah kajian hakisan pernah dijalankan di kawasan perairan tepi pantai Pulau Pinang dan semua saliran sungai di Pulau Pinang?
- (a) Jika ada, kawasan manakah yang mempunyai hakisan yang kritikal?
 - (b) Apakah tindakan bagi mengatasi hakisan tersebut?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

57. Kajian hakisan pantai di Pulau Pinang telah dijalankan pada tahun 2015 di bawah *National Coastal Erosion Study* (NCES). Kawasan kritikal hakisan pantai adalah merujuk kepada garis pantai yang terhakis dengan cepat pada kadar melebihi daripada empat (4) meter/tahun dan penempatan penduduk yang agak padat dengan beberapa aktiviti komersial/perindustrian serta menjelaskan kemudahan awam sedia ada.

(a) Berdasarkan laporan NCES tahun 2015, terdapat tujuh (7) kawasan kritikal hakisan pantai di Pulau Pinang seperti berikut:

- (i) Selatan Kampung Kuala Muda (598m);
- (ii) Barat Kampung Permatang Rawa (1,678m);
- (iii) Selatan muara Sungai Abdul (828m);
- (iv) Barat Kampung Benggali (277m);
- (v) Barat Taman Molek (456m);
- (vi) Utara muara Sungai Dua Besar (558m); dan
- (vii) Utara muara Sungai Dua Besar (257m).

(b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)

Pulau Pinang sedang dalam proses perolehan kerja untuk membaiki hakisan pantai yang kritikal di pantai Barat Taman Molek pada tahun ini sementara menunggu kelulusan peruntukan persekutuan bagi projek pembaikan utama (langkah jangka masa panjang).

Manakala bagi enam (6) kawasan yang lain, pihak JPS akan mengemukakan permohonan peruntukan kepada persekutuan secara berperingkat mengikut keutamaan.